



SABAH, MALAYSIA
Warta Kerajaan

KELUARAN KHAS

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXVIII]

KOTA KINABALU, ISNIN, 17 APRIL 2023

[No. 17

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 141

[No. DUNS: (S)600-8/1 ()

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEENAM BELAS

PENGGAL KEEMPAT

PROKLAMASI

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang:

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Seri Utama Mahkota Wilayah, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 22, 23, 24 dan 25 Mei 2023 pada pukul sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan MESYUARAT PERTAMA dalam PENGGAL KEEMPAT Dewan Undangan Negeri Yang KEENAM BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

PROKLAMASI - (*samb.*)

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 14 haribulan April 2023.



TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,

Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,

Ketua Menteri Sabah.

